

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS
KOD KURSUS	:	BBD 29003
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2012 / JANUARI 2013
JANGKA MASA	:	2 ½ JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A, BAHAGIAN B DAN DUA SOALAN DI BAHAGIAN C

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LIMA BELAS (15) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A
(20 MARKAH)

Jawab **semua** soalan

1. Dalam Pendidikan Khas istilah *disability* (kurang upaya) merujuk kepada?
 - A. Kebolehan yang berbeza seperti orang normal
 - B. Ketidaknormalan dari aspek psikologi, fisiologi dan anatomi
 - C. Sesuatu yang menghalang seseorang melakukan tugas tertentu yang dilakukan oleh orang normal
 - D. Sesuatu kelemahan yang terdapat pada seseorang akibat kekurangan yang menghalangnya memenuhi peranan sebagai orang normal

2. Pernyataan yang manakah merupakan konsep utama dalam pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas?
 - A. Semua kanak-kanak memerlukan perhatian secara individu setiap masa.
 - B. Kebanyakan kanak-kanak cuma bermasalah di peringkat awal persekolahan sahaja.
 - C. Semua kanak-kanak istimewa memerlukan pendidikan secara individu setiap masa.
 - D. Keperluan untuk kanak-kanak adalah sama, penekanan cuma diberi pada aspek khas sahaja.

3. Susunkan perkembangan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas di Malaysia di Malaysia mengikut urutan
 - I. Pembukaan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional, Shah Alam
 - II. Kursus Perguruan Khas Satu Tahun Bermasalah Pembelajaran di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur
 - III. Pembukaan Kelas Khas Bermasalah Pembelajaran di SRK (L) Jalan Batu 1, Kuala Lumpur oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
 - IV. Pembukaan Sekolah Rendah Buta Kebangsaan Princess Elizabeth di Johor Baharu
 - V. Pembukaan Sekolah Rendah Buta Kebangsaan St. Nicholas Melaka

- A. V, IV, III, II, I
 - B. I, II, III, IV, V
 - C. IV, V, III, I, II
 - D. V, IV, I, III, II
4. PL 94-142 merangkumi dasar-dasar pendidikan untuk kanak-kanak istimewa dengan
- A. pendidikan percuma untuk individu berumur 10-21 tahun
 - B. pendemokrasian pendidikan untuk kanak-kanak yang terpilih
 - C. persekitaran pendidikan yang tidak menghalang perkembangan intelek
 - D. menyediakan satu program pengasingan bagi kanak-kanak berkeperluan khas
5. Cikgu Siti bercadang untuk menaksir kemahiran tingkah laku adaptif seorang pelajar terencat akal.

Apakah ujian yang paling sesuai digunakan oleh Cikgu Siti untuk menaksir kemahiran tersebut ?

- A. Profil Penilaian Tingkah Laku
 - B. Skala Kematangan Sosial Vineland
 - C. Skala Penyesuaian Tingkah Laku AAMR
 - D. Senarai Semak Tingkah Laku Kanak-Kanak
6. Faktor –faktor penyebab kecacatan sebelum kelahiran ialah
- I. Keturunan/ genetik
 - II. pemakanan ibu/ keluarga
 - III. Kesihatan ibu/ penyakit/ jangkitan
 - IV. Amalan kehidupan sosial/ peribadi
- A. I & II
 - B. I, III & IV
 - C. I, II & IV
 - D. I,II,III &IV

7.

- membantu mengesan perkembangan janin sama ada berkembang secara normal atau sebaliknya
- Mengesan usia kandungan
- Boleh mengesan sekiranya janin menghadapi masalah seperti kecacatan fizikal

Pernyataan di atas merujuk kepada kaedah ujian _____

- A. *Ultrasound*
 - B. *Amniocentesis*
 - C. *Ultrasonography*
 - D. *Chorionic Villus sampling*
8. Murid-murid berkeperluan khas yang layak mengikuti program pendidikan khas di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan terdiri daripada murid-murid yang
- A. berkeperluan khas yang boleh dididik (*educable*)
 - B. mempunyai pelbagai kecacatan atau sangat cacat anggota
 - C. cacat anggota tetapi perkembangan intelek seperti murid biasa
 - D. dirujuk oleh panel perubatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat
9. Mengapakah murid berkeperluan khas yang baharu memasuki alam persekolahan diberi tempoh percubaan selama sebulan?
- A. Memahirkan diri dengan selok belok kelas pendidikan khas
 - B. Memahami sebab ia ditempatkan di dalam kelas Pendidikan khas
 - C. Menyesuaikan diri dengan pembelajaran di kelas Pendidikan Khas dan suasana sekolah
 - D. Membolehkan murid memahami peraturan Kelas Pendidikan Khas dan peraturan sekolah

10. Pernyataan berikut merujuk kepada ciri kanak-kanak berkeperluan khas.

Kanak-kanak	Ciri-ciri
X	Tumpuan perhatian singkat Memerlukan pengawasan yang lebih Masalah mengurus tugas Masalah menunggu giliran

Merujuk kepada ciri-ciri tersebut, kanak-kanak X mungkin dikategori sebagai

- A. Autisme
 - B. ADHD
 - C. Hiperaktif
 - D. Terencat akal
11. Ciri manakah yang merupakan tanda yang sesuai dalam mengenalpasti anak-kanak bermasalah pembelajaran
- A. mereka yang dilahirkan dengan kecerdasan yang sangat rendah
 - B. mereka yang datang dari keluarga yang sangat miskin dan daif
 - C. mereka yang terkebelakang dalam pencapaian akademik serta mempunyai kebolehan kognitif yang terhad
 - D. mereka yang mempunyai masalah dalam aspek sosial dan menghadapi berbagai masalah di rumah dan di sekolah
12. Ahmad merupakan seorang kanak-kanak yang mempunyai masalah komunikasi. Dia juga tidak suka bergaul dan tidak suka bertentangan mata. Mempunyai kerencatan bahasa dan sukar bagi guru menyentuhnya. Apakah kemungkinan masalah yang dihadapi oleh Ahmad?
- A. Autisme
 - B. Sindrom Down
 - C. Palsi Serebral
 - D. Kerencatan akal

13. Kegagalan kanak-kanak berkeperluan khas memahami makna kombinasi perkataan “ tepuk tangan ” merujuk kepada masalah
- A. perkembangan fonologi
 - B. perkembangan sintaksis
 - C. perkembangan semantik
 - D. perkembangan pragmatik
14. Berikut merupakan ciri-ciri kanak-kanak yang dikategorikan sebagai bermasalah emosi dan tingkah laku **kecuali**
- A. Mudah merasai sedih dan kerap mengalami depresi
 - B. Keupayaan intelektual yang rendah berbanding kanak-kanak sebaya
 - C. Ketidakupayaan membina hubungan sosial yang berkekalan dengan rakan
 - D. Ketidakupayaan belajar yang tidak ada kaitan dengan kekurangan kebolehan intelektual
15. Perkembangan intelek murid-murid bermasalah penglihatan terjejas akibat daripada
- A. mobiliti yang terhad
 - B. penerimaan maklumat yang terhad
 - C. domain sosial yang lewat berkembang
 - D. kewujudan tingkah laku ‘blind mannerisme’

16. Pernyataan berikut merujuk kepada ciri-ciri kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran.

- Tidak boleh mendengar bunyi pertuturan yang normal
- Penggunaan alat bantu dengar boleh membesarkan bunyi pertuturan yang tertentu dan kiu visual diperlukan untuk membantu pemahaman pertuturan.
- Menghadapi masalah mengenai pertuturan dan kualiti pertuturan mungkin juga terjejas.

Merujuk kepada ciri-ciri berikut, berapakah darjah kehilangan pendengaran kanak-kanak ini ?

- A. 20 dB ke bawah
- B. 46 – 70 dB
- C. 71 – 90 dB
- D. 91 dB ke atas

- 17.

- Menggunakan isyarat tangan,
- Melihat pergerakan mulut,
- Bahasa tubuh
- Mendengar apa yang dituturkan

Intervensi di atas merupakan salah satu teknik bagi mengatasi masalah bahasa kanak-kanak bermasalah pendengaran.

Intervensi di atas merujuk kepada


- A. auditori-oral
- B. pertuturan kiu
- C. bahasa isyarat
- D. komunikasi seluruh

18. Aminah gagal mengawal otot dan pergerakan akibat dari kerosakan pada bahagian otaknya. Dia juga bertutur dengan suara yang kurang jelas dan menghadapi masalah untuk mengunyah makanan serta menelan makanan.

Situasi di atas menunjukkan Aminah mengalami

- A. Epilepsy
 - B. Palsi serebral
 - C. Spina bifida
 - D. Kecederaan otak traumatik
19. Apakah implikasi utama Teori ‘ Kecerdasan pelbagai’ terhadap proses pembelajaran kanak-kanak?
- A. Kanak-kanak perlu diberi peluang mengembangkan minat dan bakatnya.
 - B. Kanak-kanak mestilah berkemampuan menunjukkan kebolehan luar biasanya
 - C. Kanak-kanak perlu dididik supaya menjadi seorang individu yang lebih kreatif dan intuisi
 - D. Kanak-kanak perlu diberi pendedahan kepada kebolehan menyelesaikan masalah harian seawal yang mungkin

20.



Rajah 1 :
Tahap Intergrasi Pelajar Berkeperluan Khas

Rajah di atas merumuskan bahawa

- A. pelbagai kaedah penempatan pelajar berkeperluan khas
- B. penempatan pelajar bermasalah pendengaran di sekolah bermasalah pendengaran
- C. prosedur untuk mendapatkan pelajar menjalani rawatan di hospital atau institusi yang berkenaan
- D. pendidikan inklusif ialah amalan mengintergrasi pelajar berkeperluan khas dalam kelas yang sama dengan pelajar biasa atau normal

BAHAGIAN B

(40 MARKAH)

Jawab **semua** soalan

1. (a) Berikan **lima** faktor menjadi penyebab berlakunya masalah pendidikan khas dalam kalangan kanak-kanak.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(5 markah)

- (b) Berdasarkan faktor-faktor di atas, pilih **dua** punca berserta contoh berlakunya masalah pendidikan khas.

- i. _____

- ii. _____

(5 markah)

2. Public Law 92-142 (Amerika Syarikat) dan Laporan Warnock 1978 (Britain) merupakan dua akta yang memberi pengaruh yang besar terhadap perkembangan pendidikan khas di seluruh dunia.

(a) Nyatakan 5 prinsip utama yang diberi penekanan oleh Public Law 92-142 dalam amalan pendidikan khas

i) _____

ii) _____

iii) _____

iv) _____

v) _____

(5 markah)

(b) Jelaskan maksud Konsep 'integrasi' dan 'kolaboratif' yang dikemukakan oleh Laporan Warnock 1978.

i. Integrasi

ii. Kolaboratif

(5 markah)

3. (a) Nyatakan perbezaan antara penglihatan terhad dan kategori buta

(5 markah)

(b) Cadangkan dua kaedah yang boleh digunakan semasa menjalankan aktiviti rangsangan terhadap kanak-kanak bermasalah penglihatan berkaitan penggunaan deria

i.

ii.

(5 markah)

4. Kanak-kanak *Deafblindness* adalah merujuk kepada kanak-kanak yang mempunyai kombinasi masalah pendengaran dengan masalah penglihatan.

(a) Nyatakan **dua** ciri-ciri kanak-kanak *deafblindness* yang memberi kesan ke atas pembelajaran

i. _____

ii. _____

(4 markah)

(b) Cadangkan **tiga** strategi yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak *deafblindness*

i. _____

ii. _____

iii. _____

(6 markah)

BAHAGIAN C
(40 MARKAH)

Jawab **Dua** Soalan Sahaja.

1. Di Malaysia, murid-murid berkeperluan khas diberi hak yang sama untuk menerima pendidikan sama seperti murid-murid normal. Terdapat pelbagai jenis program Pendidikan Khas yang boleh diikuti oleh murid-murid berkeperluan khas mengikut kesesuaian dan keperluan ketidakupayaan yang dialami.

(a) Jelaskan dengan contoh **empat** jenis program Pendidikan Khas yang terdapat di Malaysia.

(10 markah)

(b) Bincangkan sejauhmanakah sistem pendidikan khas di negara kita berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas.

(10 markah)

2. Masalah tingkah laku atau gangguan emosi merujuk kepada keadaan di mana ciri-ciri seperti tingkah laku ganas atau pasif yang berlaku pada tempoh yang lama dan menjejaskan prestasi pembelajaran kanak-kanak

(a) Nyatakan perbezaan tingkah laku luaran dan tingkah laku dalaman di kalangan pelajar bermasalah emosi

(10 markah)

(b) Bincangkan sejauh manakah faktor persekitaran mempengaruhi perkembangan pelajar bermasalah emosi dan tingkah laku.

(10 markah)

3. Alfred Binet (1916) mendefinisikan pintar cerdas sebagai keupayaan dalam pemahaman, membuat pertimbangan dan penaaakulan yang baik.

(a) Merujuk kepada definisi tersebut, huraikan dengan contoh ciri-ciri kanak-kanak yang dikategorikan sebagai kanak-kanak pintar cerdas

(10 markah)

(b) Sebagai seorang guru, bincangkan mengapakah kanak-kanak yang mempunyai kebolehan intelektual yang tinggi tidak memperolehi kecemerlangan dalam kehidupannya

(10 markah)